

Semua sektor dijangka alami pertumbuhan lebih perlahan

B-11 29/11/08 M1526

Sistem kewangan, prestasi ekonomi semakin kukuh berbanding krisis 1998

Oleh Azli Ayob
azliayob@bharian.com.my

KEJATUHAN harga dan kekurangan permintaan dunia terhadap komoditi disebabkan kelesetan global akan memberi kesan secara langsung kepada perkembangan ekonomi Malaysia sepanjang 2009.

Selain itu, sektor ekonomi yang lain juga akan mengalami pertumbuhan lebih perlahan khususnya bidang berasaskan sumber alam dan sektor pembuatan.

Selepas mengalami pertumbuhan menggalakkan beberapa tahun lalu, prestasi sektor pertanian dan perlombongan yang merangkumi 16 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka tidak lagi mampu mengekalkan rekod kecemerlangannya tahun depan berikutan kejatuhan harga komoditi.

Permintaan terhadap barangan elektrik dan elektronik dari negara ini juga dijangkakan lemah manakala penurunan harga komoditi yang mendadak akan menjejaskan punca

pendapatan kerajaan.

Bagaimanapun, kesan daripada krisis ekonomi global itu ke atas Malaysia tidak seteruk kegawatan ekonomi yang dialami pada 1998 memandangkan sistem kewangan negara berada dalam keadaan lebih baik dengan kadar pinjaman tidak berbayar (NPL) berada pada 2.4 peratus.

Menurut OSK Research,

berlatarbelakangkan keadaan ekonomi negara yang kurang cergas dan hanya mampu berkembang 2.7 peratus tahun depan, ia meramalkan pasaran saham tempatan akan menunjukkan prestasi lemah pada separuh pertama.

"Ini disebabkan lebih banyak berita buruk mengenai ekonomi akan muncul ketika itu," katanya dalam laporan

penyelidikan mengenai strategi pelaburan 2009.

Laporan itu menyebut, kelemahan pasaran saham juga disebabkan jangkaan keputusan kewangan syarikat bagi suku keempat yang lemah apabila ia diumumkan pada Februari nanti.

Kelemahan itu disebabkan gabungan faktor kejatuhan harga komoditi dan kekurangan permintaan ter-

hadap barangan dan perkhidmatan yang memberi kesan kepada keuntungan firma, katanya.

OSK Research menjangkakan pasaran saham kembali pulih pada separuh kedua apabila krisis ekonomi global mungkin pulih pada 2010 dan pasaran saham cenderung diniagakan mengikut arah tujuan ekonomi.

La berkata, pemulihan pasaran dalam tempoh itu juga dibantu oleh faktor harga komoditi yang kembali stabil apabila dolar Amerika Syarikat mulai lemah selepas aktiviti mengurangkan hutang di kalangan negara yang ekonominya sedang meningkat sudah berakhir.

"Memandangkan pasaran tempatan sudah mempunyai asas kukuh, kami menjangkakan minat terhadap pasaran akan kembali sebaik saja berita baik mengenai ekonomi mula tersebar," kata laporan itu.

Antara sektor yang diberikan penilaian baik oleh firma penyelidikan pasaran itu adalah sarung tangan getah, barangan pengguna terutama makanan dan utiliti serta perjudian.



KRISIS ekonomi turut memberi kesan kepada permintaan barangan eksport Malaysia.